

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 16 TAHUN 2005

**PERJAWATAN DI PEJABAT MENTERI, TIMBALAN MENTERI,
SETIAUSAHA PARLIMEN DAN SETIAUSAHA POLITIK**

TUJUAN

1. Tujuan Pekeliling Perkhidmatan ini ialah untuk memaklum dan melaksanakan keputusan Kerajaan ke atas struktur organisasi dan perjawatan Pejabat Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik dan kaedah pengisiannya.

DEFINISI

2. Untuk tujuan Pekeliling Perkhidmatan ini:

“SUSK, SUS dan SUA” bermaksud Setiausaha Sulit Kanan, Setiausaha Sulit dan Setiausaha Akhbar kepada Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen;

“jawatan hakiki” bermaksud jawatan asal pegawai sebelum ia dilantik sebagai SUSK, SUS atau SUA kepada Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen;

“pegawai awam” bermaksud pegawai yang dilantik secara tetap oleh mana-mana Pihak Berkuasa Melantik;

“pegawai gunasama” bermaksud pegawai yang Ketua Perkhidmatannya adalah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;

“penempatan khas” bermaksud pengisian jawatan SUSK, SUS atau SUA kepada Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen oleh pegawai dalam skim perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD), Pegawai Penerangan (PP) dan Penolong Pegawai Tadbir (PPT) di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA);

“peminjaman” bermaksud pelantikan pegawai selain daripada PTD, PP atau PPT termasuk Pegawai Tadbir bukan dari kalangan Pegawai Persekutuan mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 untuk mengisi jawatan SUSK, SUS atau SUA kepada Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen;

“pertukaran sementara” bermaksud pelantikan pegawai selain daripada PTD, PP atau PPT dari kalangan Pegawai Persekutuan mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 untuk mengisi jawatan SUSK, SUS atau SUA kepada Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen; dan

“jadual jumlah pendapatan” bermaksud jadual jumlah pendapatan yang disediakan khusus untuk SUSK, SUS atau SUA kepada Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen.

LATAR BELAKANG

3. Pada masa ini perjawatan untuk Pejabat-pejabat Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik berpandukan kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1992 bertajuk “Penyusunan Semula Kedudukan Organisasi Dan Perjawatan Di Pejabat Y.B. Menteri, Y.B. Timbalan Menteri, Y.B. Setiausaha Parlimen Dan Setiausaha Politik”. Manakala urusan pelantikan SUSK, SUS dan SUA kepada Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen adalah berpandukan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2002 bertajuk “Pelantikan Setiausaha Sulit Kanan, Setiausaha Sulit dan Setiausaha Akhbar”.

4. Sistem Saraan Malaysia yang berkuat kuasa mulai 1 November 2002, antara lain telah memperkenalkan beberapa lapisan gred baru dalam semua skim perkhidmatan serta mengubahsuai gelaran gred jawatan. Pengubahsuaian ini melibatkan perjawatan yang diperuntukkan kepada Pejabat-pejabat Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik dan ini termasuk mewujudkan gred fleksi bagi beberapa jawatan di pejabat-pejabat berkenaan. Pengubahsuaian ini juga melibatkan struktur gaji dan ini memerlukan pindaan ke atas jadual jumlah pendapatan yang diwujudkan khusus kepada pegawai yang dilantik sebagai SUSK, SUS dan SUA.

PERJAWATAN

5. Struktur organisasi bagi keempat-empat Pejabat Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik masih wujud secara berasingan seperti sedia ada dengan mengambil kira pewujudan gred fleksi bagi jawatan-jawatan tertentu. Perjawatan yang diluluskan adalah seperti berikut:

Nama Jawatan, Skim Perkhidmatan dan Gred Jawatan	Bil.
Pejabat Menteri	
Setiausaha Sulit Kanan, Pegawai Tadbir & Diplomatik Gred M48/M52/M54 atau setaraf	1
Setiausaha Sulit, Penolong Pegawai Tadbir Gred N36/Pegawai Tadbir Gred N41/ Pegawai Tadbir & Diplomatik Gred M41 atau setaraf	1
Setiausaha Akhbar, Pegawai Penerangan Gred S41/S44/S48 atau setaraf	1
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17	1
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17	1
Pembantu Am Rendah Gred N4	<u>1</u>
Jumlah	<u>6</u>
Pejabat Timbalan Menteri	
Setiausaha Sulit Kanan, Pegawai Tadbir & Diplomatik Gred M41/M44/M48 atau setaraf	1
Setiausaha Sulit, Penolong Pegawai Tadbir Gred N36/Pegawai Tadbir Gred N41/ Pegawai Tadbir & Diplomatik Gred M41 atau setaraf	1
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17	1
Pembantu Am Rendah Gred N1	<u>1</u>
Jumlah	<u>4</u>
Pejabat Setiausaha Parlimen	
Setiausaha Sulit, Penolong Pegawai Tadbir Gred N32/N36/Pegawai Tadbir Gred N41/Pegawai Tadbir & Diplomatik Gred M41 atau setaraf	1
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17	1
Pembantu Am Rendah Gred N1	<u>1</u>
Jumlah	<u>3</u>

Pejabat Setiausaha Politik

Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17	<u>1</u>
Jumlah	<u>1</u>
Jumlah Keseluruhan	<u>14</u>

KAEDAH DAN PROSEDUR PENGISIAN

6. Kaedah dan prosedur pengisian jawatan SUSK, SUS dan SUA yang sedia ada dikekalkan dan dilaksanakan seperti berikut:

6.1 Penempatan Khas

- (i) Pengisian jawatan SUSK, SUS dan SUA secara penempatan khas perlu diberi keutamaan kepada pegawai PTD, PP atau PPT selaras dengan skim perkhidmatan yang ditetapkan. Penempatan khas PTD dan PPT akan diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), sementara penempatan khas PP akan diuruskan oleh Kementerian Penerangan Malaysia.
- (ii) Dari segi prosedurnya, Bahagian Sumber Manusia, Kementerian hendaklah mendapatkan senarai calon dari kalangan PTD, PP atau PPT daripada Ketua Perkhidmatan dan mengemukakannya kepada Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen yang memerlukan calon berkenaan untuk proses pemilihan. Jika dipersetujui, pelantikan secara penempatan khas akan diperakukan kepada Ketua Perkhidmatan pegawai. Ketua Perkhidmatan akan mengeluarkan surat tawaran penempatan dan mengarahkan pegawai supaya melaporkan diri.

6.2 Pelantikan Secara Peminjaman Atau Pertukaran Sementara

- (i) Jika atas sebab-sebab tertentu penempatan khas tidak dapat dibuat, pelantikan di kalangan pegawai daripada skim perkhidmatan yang lain, termasuk Pegawai Tadbir hendaklah diuruskan secara peminjaman atau pertukaran sementara.
- (ii) Dari segi prosedur, jika Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen memilih calon dari kalangan pegawai awam dalam skim perkhidmatan yang lain, Bahagian Sumber Manusia, Kementerian hendaklah membuat perakuan kepada JPA untuk semakan dan seterusnya memperakukan kepada SPA untuk pelantikan secara peminjaman atau pertukaran sementara.
- (iii) Pelantikan pegawai secara peminjaman atau pertukaran sementara yang melibatkan gred kenaikan pangkat bagi jawatan SUSK, SUS dan SUA bukanlah bermaksud pegawai telah dinaikkan pangkat secara hakiki ke gred yang berkenaan. Sebaliknya urusan kenaikan pangkat pegawai berkenaan adalah di bawah bidang kuasa Ketua Perkhidmatan masing-masing.

6.3 Pelantikan Secara Kontrak

- (i) Sekiranya Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen memilih calon yang bukan pegawai awam, maka pelantikan akan dibuat secara kontrak.
- (ii) Dari segi prosedur, jika Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen memilih calon sendiri yang bukan pegawai awam, mereka bertanggungjawab mendapatkan persetujuan Y.A.B. Perdana Menteri terlebih dahulu. Setelah persetujuan diperolehi, perakuan pelantikan

hendaklah dikemukakan kepada JPA oleh Bahagian Sumber Manusia, Kementerian. JPA akan membuat semakan mengikut gred pegawai sebelum memperakukan kepada Ketua Setiausaha Negara atau SPA mengikut gred pegawai seperti **Jadual 1** berikut:

Jadual 1: Kuasa Melantik SUSK, SUS dan SUA Secara Kontrak

Gred Pegawai	Tempoh Kontrak	KSN	SPA
Gred S48, M48, M52, M54	Tidak Berkaitan		✓
Gred N32, N36, N41, S41, S44, M41, M44	Tidak Lebih 5 Tahun	✓	
Gred N32, N36, N41, S41, S44, M41, M44	Lebih 5 Tahun		✓

7. Perakuan pelantikan secara peminjaman atau pertukaran sementara hendaklah disertakan dengan dokumen berikut:

- (i) Kenyataan Perkhidmatan pegawai yang kemaskini;
- (ii) Laporan Penilaian Prestasi Tahunan bagi tahun yang terakhir;
- (iii) surat persetujuan Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen; dan
- (iv) surat persetujuan pegawai.

8. Perakuan pelantikan secara kontrak hendaklah disertakan dengan dokumen berikut:

- (i) biodata calon (*curriculum vitae*);
- (ii) surat persetujuan Y.A.B. Perdana Menteri (bagi lantikan pertama);
- (iii) surat persetujuan Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen; dan
- (iv) surat persetujuan pegawai.

9. Sementara itu pengisian jawatan-jawatan selain daripada SUSK, SUS dan SUA bagi Pejabat Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik mengikut kaedah dan prosedur berikut:

9.1 Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) dan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) diisi melalui arahan penempatan. Dari segi prosedur, jika penempatan melibatkan Pegawai Gunasama, Kementerian hendaklah mengemukakan permohonan pengisian kepada Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam kecuali pengisian dari kalangan pegawai sedang berkhidmat di kementerian berkenaan.

9.2 Pembantu Am Rendah diisi secara lantikan oleh kementerian. Dari segi prosedur, urusan pengambilan hendaklah mengikut peraturan sedia ada.

JUMLAH PENDAPATAN

10. Jumlah pendapatan SUSK, SUS dan SUA adalah seperti **Lampiran 1**. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan), Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan Pembantu Am Rendah yang mengisi jawatan di Pejabat Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik kekal menggunakan Jadual Gaji Matriks mengikut gred masing-masing.

11. Sekiranya gaji hakiki pegawai yang dibuat secara penempatan khas, peminjaman atau pertukaran sementara mengalami peningkatan akibat daripada kenaikan pangkat atau anjakan gaji hingga menyebabkan gaji hakiki lebih tinggi daripada jumlah pendapatan maksimum jawatan SUSK, SUS dan SUA, maka Ketua Jabatan bolehlah membayar kepada pegawai gaji gred jawatan hakiki dan gaji tersebut kekal secara Khas Untuk Penyandang.

PENAMATAN

12. Penamatan SUSK, SUS dan SUA boleh dibuat seperti berikut:

12.1 Penempatan Khas

Sekiranya perkhidmatan pegawai tidak diperlukan lagi, pegawai hendaklah dikembalikan kepada Ketua Perkhidmatan masing-masing. Pegawai akan menerima gaji jawatan hakiki yang layak diterima seolah-olah tidak pernah dibuat penempatan di atas.

12.2 Pelantikan Secara Peminjaman Atau Pertukaran Sementara

Sekiranya tempoh peminjaman atau pertukaran sementara hendak dipendekkan oleh mana-mana pihak, notis pemendekan tempoh peminjaman atau pertukaran sementara hendaklah diberikan oleh pihak berkenaan. Perakuan pemendekan tempoh peminjaman atau pertukaran sementara hendaklah dikemukakan kepada SPA melalui JPA untuk kelulusan. Pegawai hendaklah dikembalikan kepada Ketua Perkhidmatan masing-masing dan akan menerima gaji jawatan hakiki yang layak diterima seolah-olah tidak pernah dipinjamkan atau ditukar sementara.

12.3 Pelantikan Secara Kontrak

Sekiranya kontrak hendak ditamatkan oleh mana-mana pihak, penamatan hendaklah dibuat mengikut syarat kontrak yang telah dipersetujui.


TARIKH KUAT KUASA

13. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2005**.

PEMBATALAN

14. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1992 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2002 adalah dibatalkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA**

5 SEPTEMBER 2005

**Ketua Setiausaha Negara
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Semua Ketua Setiausaha Kementerian**

**JADUAL JUMLAH PENDAPATAN
BAGI SETIAUSAHA SULIT KANAN, SETIAUSAHA SULIT
DAN SETIAUSAHA AKHBAR**

- i. Jumlah pendapatan bagi Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri, atas jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M48 / M52 / M54:

Jadual 1: Jumlah Pendapatan Bagi Gred M48

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5
Gaji	RM4390.75 (P1T4)	RM4571.04 (P1T5)	RM4751.33 (P1T6)	RM4931.62 (P1T7)	RM5111.91 (P1T8)
ITP	RM700.00	RM700.00	RM700.00	RM700.00	RM700.00
ITK	RM550.00	RM550.00	RM550.00	RM550.00	RM550.00
Jumlah Pendapatan	RM5640.75	RM5821.04	RM6001.33	RM6181.62	RM6361.91

Jadual 2: Jumlah Pendapatan Bagi Gred M52

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5
Gaji	RM4872.33 (P1T4)	RM5052.62 (P1T5)	RM5232.91 (P1T6)	RM5413.20 (P1T7)	RM5593.49 (P1T8)
ITP	RM700.00	RM700.00	RM700.00	RM700.00	RM700.00
ITK	RM600.00	RM600.00	RM600.00	RM600.00	RM600.00
Jumlah Pendapatan	RM6172.33	RM6352.62	RM6532.91	RM6713.20	RM6893.49

Jadual 3: Jumlah Pendapatan Bagi Gred M54

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5
Gaji	RM5148.21 (P1T4)	RM5347.86 (P1T5)	RM5547.51 (P1T6)	RM5747.16 (P1T7)	RM5946.81 (P1T8)
ITP	RM900.00	RM900.00	RM900.00	RM900.00	RM900.00
ITK	RM800.00	RM800.00	RM800.00	RM800.00	RM800.00
Jumlah Pendapatan	RM6848.21	RM7047.86	RM7247.51	RM7447.16	RM7646.81

- ii. Jumlah pendapatan bagi Setiausaha Sulit Kanan kepada Timbalan Menteri, atas jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41 / M44 / M48:

Jadual 4: Jumlah Pendapatan Bagi Gred M41

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5
Gaji	RM3570.37 (P1T20)	RM3703.47 (P1T21)	RM3836.57 (P1T22)	RM3969.67 (P1T23)	RM4102.77 (P1T24)
ITP	RM210.00	RM210.00	RM210.00	RM210.00	RM210.00
ITKA	RM300.00	RM300.00	RM300.00	RM300.00	RM300.00
Jumlah Pendapatan	RM4080.37	RM4213.47	RM4346.57	RM4479.67	RM4612.77

Jadual 5: Jumlah Pendapatan Bagi Gred M44

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5
Gaji	RM3826.89 (P1T10)	RM3959.99 (P1T11)	RM4093.09 (P1T12)	RM4226.19 (P1T13)	RM4359.29 (P1T14)
ITP	RM210.00	RM210.00	RM210.00	RM210.00	RM210.00
ITK	RM400.00	RM400.00	RM400.00	RM400.00	RM400.00
Jumlah Pendapatan	RM4436.89	RM4569.99	RM4703.09	RM4836.19	RM4969.29

Jadual 6: Jumlah Pendapatan Bagi Gred M48

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5
Gaji	RM4390.75 (P1T4)	RM4571.04 (P1T5)	RM4751.33 (P1T6)	RM4931.62 (P1T7)	RM5111.91 (P1T8)
ITP	RM700.00	RM700.00	RM700.00	RM700.00	RM700.00
ITK	RM550.00	RM550.00	RM550.00	RM550.00	RM550.00
Jumlah Pendapatan	RM5640.75	RM5821.04	RM6001.33	RM6181.62	RM6361.91

- iii. Jumlah pendapatan bagi Setiausaha Sulit kepada Menteri dan Timbalan Menteri, atas jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N36 / Pegawai Tadbir Gred N41 / Pegawai Tadbir & Diplomatik Gred M41:

Jadual 7: Jumlah Pendapatan Bagi Gred N36

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5
Gaji	RM3029.11 (P1T7)	RM3159.79 (P1T8)	RM3290.47 (P1T9)	RM3421.15 (P1T10)	RM3551.83 (P1T11)
ITP	RM180.00	RM180.00	RM180.00	RM180.00	RM180.00
ITKA	RM170.00	RM170.00	RM170.00	RM170.00	RM170.00
Jumlah Pendapatan	RM3379.11	RM3509.79	RM3640.47	RM3771.15	RM3901.83

Jadual 8: Jumlah Pendapatan Bagi Gred N41

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5
Gaji	RM3512.29 (P1T23)	RM3642.97 (P1T24)	RM3773.65 (P1T25)	RM3904.33 (P1T26)	RM4035.01 (P1T27)
ITP	RM210.00	RM210.00	RM210.00	RM210.00	RM210.00
ITKA	RM300.00	RM300.00	RM300.00	RM300.00	RM300.00
Jumlah Pendapatan	RM4022.29	RM4152.97	RM4283.65	RM4414.33	RM4545.01

Jadual 9: Jumlah Pendapatan Bagi Gred M41

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5
Gaji	RM3570.37 (P1T20)	RM3703.47 (P1T21)	RM3836.57 (P1T22)	RM3969.67 (P1T23)	RM4102.77 (P1T24)
ITP	RM210.00	RM210.00	RM210.00	RM210.00	RM210.00
ITKA	RM300.00	RM300.00	RM300.00	RM300.00	RM300.00
Jumlah Pendapatan	RM4080.37	RM4213.47	RM4346.57	RM4479.67	RM4612.77

- iv. Jumlah pendapatan bagi Setiausaha Sulit kepada Setiausaha Parlimen, atas jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 / N36 / Pegawai Tadbir Gred N41 / Pegawai Tadbir & Diplomatik Gred M41:

Jadual 10: Jumlah Pendapatan Bagi Gred N32

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5
Gaji	RM2559.63 (P1T9)	RM2638.28 (P1T10)	RM2716.93 (P1T11)	RM2795.58 (P1T12)	RM2874.23 (P1T13)
ITP	RM180.00	RM180.00	RM180.00	RM180.00	RM180.00
ITKA	RM115.00	RM115.00	RM115.00	RM115.00	RM115.00
Jumlah Pendapatan	RM2854.63	RM2933.28	RM3011.93	RM3090.58	RM3169.23

Jadual 11: Jumlah Pendapatan Bagi Gred N36

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5
Gaji	RM3029.11 (P1T7)	RM3159.79 (P1T8)	RM3290.47 (P1T9)	RM3421.15 (P1T10)	RM3551.83 (P1T11)
ITP	RM180.00	RM180.00	RM180.00	RM180.00	RM180.00
ITKA	RM170.00	RM170.00	RM170.00	RM170.00	RM170.00
Jumlah Pendapatan	RM3379.11	RM3509.79	RM3640.47	RM3771.15	RM3901.83

Jadual 12: Jumlah Pendapatan Bagi Gred N41

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5
Gaji	RM3512.29 (P1T23)	RM3642.97 (P1T24)	RM3773.65 (P1T25)	RM3904.33 (P1T26)	RM4035.01 (P1T27)
ITP	RM210.00	RM210.00	RM210.00	RM210.00	RM210.00
ITKA	RM300.00	RM300.00	RM300.00	RM300.00	RM300.00
Jumlah Pendapatan	RM4022.29	RM4152.97	RM4283.65	RM4414.33	RM4545.01

Jadual 13: Jumlah Pendapatan Bagi Gred M41

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5
Gaji	RM3570.37 (P1T20)	RM3703.47 (P1T21)	RM3836.57 (P1T22)	RM3969.67 (P1T23)	RM4102.77 (P1T24)
ITP	RM210.00	RM210.00	RM210.00	RM210.00	RM210.00
ITKA	RM300.00	RM300.00	RM300.00	RM300.00	RM300.00
Jumlah Pendapatan	RM4080.37	RM4213.47	RM4346.57	RM4479.67	RM4612.77

- v. Jumlah pendapatan bagi Setiausaha Akhbar kepada Menteri, atas jawatan Pegawai Penerangan Gred S41 / S44 / S48:

Jadual 14: Jumlah Pendapatan Bagi Gred S41

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5
Gaji	RM3511.08 (P1T23)	RM3641.76 (P1T24)	RM3772.44 (P1T25)	RM3903.12 (P1T26)	RM4033.80 (P1T27)
ITP	RM210.00	RM210.00	RM210.00	RM210.00	RM210.00
ITKA	RM300.00	RM300.00	RM300.00	RM300.00	RM300.00
Jumlah Pendapatan	RM4021.08	RM4151.76	RM4282.44	RM4413.12	RM4543.80

Jadual 15: Jumlah Pendapatan Bagi Gred S44

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5
Gaji	RM3763.97 (P1T10)	RM3894.65 (P1T11)	RM4025.33 (P1T12)	RM4156.01 (P1T13)	RM4286.69 (P1T14)
ITP	RM210.00	RM210.00	RM210.00	RM210.00	RM210.00
ITK	RM400.00	RM400.00	RM400.00	RM400.00	RM400.00
Jumlah Pendapatan	RM4373.97	RM4504.65	RM4635.33	RM4766.01	RM4896.69

Jadual 16: Jumlah Pendapatan Bagi Gred S48

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5
Gaji	RM4310.89 (P1T4)	RM4487.55 (P1T5)	RM4664.21 (P1T6)	RM4840.87 (P1T7)	RM5017.53 (P1T8)
ITP	RM700.00	RM700.00	RM700.00	RM700.00	RM700.00
ITK	RM550.00	RM550.00	RM550.00	RM550.00	RM550.00
Jumlah Pendapatan	RM5560.89	RM5737.55	RM5914.21	RM6090.87	RM6267.53

ITP: Imbuhan Tetap Perumahan

ITK: Imbuhan Tetap Keraian

ITKA: Imbuhan Tetap Khidmat Awam